



22130135



MALAY A: LITERATURE – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS A : LITTÉRATURE – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO A: LITERATURA – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Wednesday 8 May 2013 (morning)
Mercredi 8 mai 2013 (matin)
Miércoles 8 de mayo de 2013 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a guided literary analysis on one passage only. In your answer you must address both of the guiding questions provided.
- The maximum mark for this examination paper is *[20 marks]*.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez une analyse littéraire dirigée d'un seul des passages. Les deux questions d'orientation fournies doivent être traitées dans votre réponse.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est *[20 points]*.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un análisis literario guiado sobre un solo pasaje. Debe abordar las dos preguntas de orientación en su respuesta.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es *[20 puntos]*.

Tulis satu ulasan sastera terarah tentang satu petikan sahaja. Jawapan anda mestilah merangkumi kehendak kedua-dua soalan panduan yang diberikan.

1.

“Hani dah berisi sangatlah. Tengok lengan pun banyak daging.” Ibu memicit-micit lengan kanan Hani. Hani tersenyum. Memang benar berat badannya bertambah mendadak. Mungkin kerana dijamu makanan mewah oleh Razi. Hatinya senang bersama buah hati. Walaupun dia tidak suka aktiviti Razi merempit di jalanan. Hani yakin satu hari Razi akan
5 berubah dan kebahagiaan akan menyebelahnya. Tiba-tiba tekaknya mual dan meloya. Agaknya makanan yang dibeli Razi tadi membuatkan dia begini. Dia berlari laju ke tandas. Ibu mengekori dari belakang.

“Salah makan agaknya.” Hani menyedapkan hati Ibu.

Gerak naluri hati seorang Ibu, gagal membendung rasa ingin tahu. Rasa curiga berputik.
10 Pertambahan berat badan dengan selera mendadak. Kini, anak gadisnya muntah-muntah. Oh, Tuhan! Bisikan-bisikan nakal dan umpat keji jiran mula terngiang-ngiang. Ibu mengurut dada.

Dia diserang asma tiba-tiba. Hani menelefon teks. Dipapah Ibu ke dalam teks. Tubuh genitnya tidak mampu menanggung badan Ibu yang berisi. Jiran sebelah rumah dipanggil membantu. Di klinik, kedua-dua ibu dan anak diperiksa. Ketika ucapan tahniah
15 diucapkan oleh doktor wanita yang memeriksa Hani, seluruh tubuh Ibu berapungan ke udara. Melayang. Dunia gelap tiba-tiba. Ibu pengan. Sebaik sedar, racau Ibu terus menjadi-jadi.

“Ya Allah, Hani. Apa yang kau buat? Apa?” Ibu memekik-mekik. “Ibu nak tahu, siapa? Siapa?”

Hani hanya terbayangkan wajah Razi. Berbalam-balam dengan wajah Cikgu Imran.
20 Hani dibisikkan idea-idea hitam. Dia mahu melindungi Razi. Dia tidak mahu Razi terlibat dalam masalah.

“Cikgu Imran, Ibu. Hani dirogol.” Hani menitikkan air mata palsu.

Benih haram di rahimnya bukan hasil keterpaksaan, tetapi benih nafsu yang bercambah membesar akibat pujukan syaitan. Cikgu Imran pula yang dijebakkan.

25 “Kita lapor pada polis.” Ibu mengesat air mata, terus simpati pada anak gadis membuak-buak.

“Jangan, Ibu. Jangan.”

“Kita pergi rumah dia. Hani tahukan rumah dia?” Ibu menyarankan.

Hani mengangguk dan melangkah longlai.

30 “Mak Cik, saya akan bertanggungjawab.” Jawapan itu meluncur ikhlas dari mulut Cikgu Imran. Ibu bapanya terkesima. Mereka saling berpandangan. Anak teruna kesayangan mereka tidak akan berkelakuan sumbang. Suasana hening. Seorang demi seorang bercakap. Perbincangan lancar tanpa sampuk menyampuk. Ibarat lanting menuju tampuk, berkata menuju benar. Ibu menghembus nafas lega. Hani membentuk bibir, antara sesal dan lega kerana selamat
35 daripada aib dan amukan Ibu.

“Baguslah, kalau macam tu. Mak cik tak mahu menanggung aib bertimpa-timpa. Kami tak akan lapor pada polis kalau Cikgu hendak bertanggungjawab.”

“Tapi, Ibu. Hani tak mahu kahwin dengan Cikgu Imran.” Antara keluar dengan tidak ayat itu di bibir mungil Hani.

40 Cikgu Imran terpukul. Entah apa yang bermain dalam benak dan kepala Hani ketika ini. Bayangan Razi sahaja yang tampak di retinanya. Cikgu Imran meminta izin untuk berbicara sendirian dengan Hani di laman rumah. “Kenapa sampai macam ni? Cikgu nak tolong Hani. Kenapa Hani menipu?”

45 “Kenapa Cikgu tu bodoh sangat, mengaku? Cikgu boleh nafikan saja.” Hani senyum mengejek.

“Sebab kamu anak didik Cikgu. Ibu kamu sakit, kita boleh selesaikan semua ni baik-baik. Cikgu tak nak kamu hanyut.”

“Cikgu ingat saya hendak sangat kahwin dengan Cikgu?” Mulutnya dijuih, mendabik dada kerana dalam keadaan sudah ditebuk tupai, Cikgu Imran masih mahu menyuntingnya.

50 “Jangan silap, Hani. Saya sudah bertunang dengan gadis pilihan saya. Saya hanya menunggu dia menamatkan pengajiannya di luar negara. Saya katakan saya akan bertanggungjawab bukan dengan menikahi kamu. Saya cikgu kamu. Saya rasa bertanggungjawab menangani masalah kamu.”

55 Hani tersentak sedar kekhilafan diri. Malu tiba-tiba. Perasaan yang sudah lama sirna dari jiwanya.

“Kita akan lapor pada polis, kalau teman lelaki kamu tak nak bertanggungjawab. Cikgu akan carikan rumah perlindungan untuk kamu lahirkan bayi ni. Untuk kamu kembali ke pangkal jalan.”

60 Cikgu Imran memandang Hani yang hanya membuang pandangan jauh, kakinya menguis rumput di halaman rumah.

Farahana Hussain, “Kasih Yang Terbuang”, *Berita Minggu* (2010)

- (a) Bincangkan konflik utama yang menjadi persoalan dalam petikan ini.
- (b) Bagaimanakah hubungan antara Hani dan Imran dipaparkan?

2.

Kisah Berulang

Pemuda gagah melagu ria diresap mesra
dara manja senyum mungil membuah cinta
penuh rasa penuh cita mencari bahagia
seluruh dunia dalam kenangan penuh kesejahteraan.

- 5 Di sudut makam pahlawan berpulang diseret perang
dilindung bayang perawan mengerang sedu malang
pemuda gagah mati dagang dalam perang penuh garang
lembayung petang mengintai datang ke kuburan pahlawan.

- 10 Ratap mesra penuh sayang di bibir dara
“manja pulang, abang, tinggallah sayang
dikau pergi kekejaman perang keganasan orang
selamatlah dalam damai berdakap tanah lengang.”

- 15 Kisah ini kembali berulang di benua insan
ratap tangis anak pengemis mencari ihsan
sedu rindu dara manja kehilangan kesayangan
perang yang kejam penuh dosa penuh kebuasan.

Pencinta damai penuh rasa memberi jasa
cegah perang, cegah kekejaman antara manusia.

Lahirlah dunia penuh damai penuh kesejahteraan!

Salmi Manja, *Utusan Zaman* (1956)

- (a) Bagaimanakah sikap pengarang terhadap peperangan?
(b) Bincangkan bagaimana struktur puisi ini mengukuhkan maknanya.
-